



25 JUL, 2021

FAMA, LKIM hulur bantuan bakul makanan

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2

FAMA, LKIM hulur bantuan bakul makanan

ABG ZAINOREN JESS

KUCHING: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bersama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pagi semalam menyerahkan 100 bakul makanan kepada Pertubuhan Kebajikan Maikro Kuching untuk diagihkan kepada fakir miskin di sekitar Jalan Matang yang telah diterima oleh Penyelaras program tersebut, KK Shamsuri Epoh, mewakili Pengerusinya, Mohamad Faizal Muni.

Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Pengarah FAMA Negeri, Abd. Ja'afar Lian.

Menurut beliau, program tersebut merupakan salah satu program MAFI PRIHATIN, dibawah Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Sumbangan berbentuk buah-buahan, sayuran di samping makanan kering seperti beras gula dan sebagainya sebagai salah satu sumbangan kementerian itu khusus untuk mereka yang memerlukan bantuan dalam keadaan yang sukar ini.

Semua sumbangan itu telah disalurkan melalui ketua masyarakat di tujuh kampung dalam kawasan tersebut yang telah disampaikan dalam satu majlis di kediaman Penghulu

Wan Julaihi Wan Ajoli kepada ketua masyarakat untuk kampung berkenaan yang kemudian akan mengagihkan bantuan itu secara langsung kepada mereka yang berkenaan di kampung masing-masing.

Menurut Ja'afar lagi, FAMA akan meneruskan program MAFI PRIHATIN ini, bukan sahaja di Kuching tetapi di semua bahagian di negeri ini seperti di pusat pemberian vaksin dan barisan hadapan lain seperti di sekatan jalan raya yang melibatkan barisan hadapan dan badan kebajikan yang terpilih.

Beliau turut memberitahu bermula semalam pihaknya telah menyediakan Bank Makanan di Medan Niaga Satok yang mana orang ramai boleh mendapatkan makanan seperti sayur-sayuran yang diletakkan di situ.

Beliau turut menyaran orang ramai yang berhasrat untuk bersedekah boleh turut menyumbangkan sedekah mereka di foodbank tersebut.

Menurut beliau, sumbangan foodbank ini adalah daripada para peniaga di Medan Niaga Satok. "Kepada orang ramai yang berhasrat untuk turut menyumbang bolehlah meletakkan sumbangan mereka di foodbank tersebut," katanya lagi.

Turut hadir Presiden Dewan Ekonomi Melayu Sarawak (DEKOMS), Bujang Boji Sitam serta ketua-ketua masyarakat dari kawasan tersebut.



PENYERAHAN... Abd. Ja'afar Lian menyerahkan bakul makanan kepada Penyelaras Program, Shamsuri Epoh.



25 JUL, 2021

FAMA, LKIM hulu bantuan bakul makanan

Mingguan Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KUCHING: Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) bersama Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) pagi semalam menyerah 100 bakul makanan kepada Pertubuhan Kebajikan Maikro Kuching untuk diagihkan kepada fakir miskin di sekitar Jalan Matang yang telah diterima oleh Penyelaras program tersebut, KK Shamsuri Epoh, mewakili Pengerusinya, Mohamad Faizal Muni. Sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Pengarah FAMA Negeri, Abd. Ja'afar Lian.

Menurut beliau, program tersebut merupakan salah satu program MAFI PRIHATIN, dibawah Kementerian Pertanian dan Industri AsasTani.